

UniSZA jaguh memanah

KUALA TERENGGANU 12 Feb. - Pasukan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) muncul juara keseluruhan Kejohanan Memanah Dewan Pusat Kecemerlangan Sukan (PKS) UniSZA Kali Ketiga yang berlangsung di sini minggu lalu.

Pasukan UniSZA A berjaya menggondol lima pingat emas, satu perak dan satu gangsa membawa pulang piala pusingan dan wang tunai sebanyak RM2,000 manakala pasukan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) yang diumumkan di tempat kedua, menerima RM1,500 dengan empat emas, tiga perak dan dua gangsa.

Tempat ketiga kategori terbuka itu yang menawarkan hadiah wang tunai RM700 dan piala, menjadi milik Universiti Teknologi Mara (UiTM) Pahang setelah memperoleh

tiga pingat emas, tiga perak dan enam gangsa.

Bagi kategori bawah 15 tahun (sekolah menengah) acara *recurve* pula, johan menjadi milik Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kompleks Mengabang Telipot dengan empat pingat emas, dua perak manakala SMK Kampung Baru Si Rusa di tempat kedua dengan meraih dua emas, empat perak dan satu gangsa.

Hadiyah kepada pemenang disampaikan oleh Setiausaha Bahagian Sukan, Kementerian Pendidikan Tinggi, Dr. Shahruddin Ismail dan Naib Canselor UniSZA, Prof. Dr. Yahaya Ibrahim.

Kejohanan kali ini menerima 19 penyertaan termasuk dua dari Indonesia iaitu Universitas Negeri Jakarta dan Universitas Bantanghari selain enam pasukan sekolah.



PASUKAN UniSZA bersama hadiah yang dimenangi setelah muncul sebagai juara keseluruhan Kejohanan Memanah Dewan PKS UniSZA Kali Ketiga di Kuala Terengganu, baru-baru ini.

UTUSAN MALAYSIA, RABU, 13/2/2013
no 23